




MAJLIS DAERAH KAMPAR

KENYATAAN SEBUTHARGA

- 1.0 Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta yang masih dibenarkan membuat kerja-kerja sebutharga di Daerah Kampar, dipelawa untuk menyertai sebutharga di bawah ini:-

Bil.	No. Tawaran	Tajuk	Kelayakan Gred/ Pengkhususan	Harga Borang (RM)
1	MDKpr/SH/K/ 9-2024	Menaik Taraf Tangki Air, Bumbung dan Kerja-Kerja Berkaitan di Pangsapuri Sutera, Taman Kolej Perdana	G1 CE32, B24	50.00
2	MDKpr/SH/K/ 10-2024	Menaik Taraf Bumbung dan Kerja-Kerja Berkaitan di Flat Golden Dragon Garden	G1 CE32, B24	
3	MDKpr/SH/K/ 12-2024	Cadangan Menaik Taraf Tapak Sitaan Haiwan Majlis Daerah Kampar	G1 CE32, B04	
4	MDKpr/SH/K/ 13-2024	Cadangan Kerja Menaik Taraf Lampu Jalan Jenis LED di Taman Bandar Barat, MD Kampar	G1, G2, G3 E11, E16	
5	MDKpr/SH/K/ 14-2024	Menaik Taraf Sistem Perparitan di Taman Bandar Baru Selatan Kampar, MD Kampar	G1 CE01, CE32	
6	MDKpr/SH/K/ 15-2024	Cadangan Menaik Taraf Bumbung dan Lain-Lain Kerja Berkaitan di Kedai Desa, Kampar, MD Kampar	G2 CE32, B24	
7	MDKpr/SH/K/ 16-2024	Cadangan Menaik Taraf Infrastruktur dan Lain-Lain Kemudahan di Gerai Kopisan Baru, Gopeng, MD Kampar	G1 CE32, B24	
8	MDKpr/SH/K/ 17-2024	Cadangan Menaik Taraf Infrastruktur dan Kemudahan di Gerai Wawasan Kampar, MD Kampar	G2 CE32, B24	

- 2.0. Dokumen Sebutharga boleh didapati pada bila-bila masa waktu pejabat dibuka mulai **14 Mac 2024** dengan dikenakan bayaran bagi dokumen sebutharga mengikut harga yang tertera sebelum tarikh tutup.
- 3.0. Satu taklimat/lawatan tapak akan diadakan pada **15 Mac 2024** jam **9.30 pagi**. Kontraktor-kontraktor yang berminat **DIWAJIBKAN** hadir ke Pejabat Majlis Daerah Kampar dengan membawa sijil **ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB serta Sijil Taraf Bumiputera (STB) oleh BPKU** yang masih sah tempoh. Perlu Surat Perwakilan Kuasa hadir lawatan tapak bagi mewakili mana-mana syarikat.
- 4.0. Dokumen Sebutharga hanya akan dikeluarkan kepada syarikat yang hadir ke lawatan tapak sahaja dan wakil sah syarikat dengan menunjukkan dan mengemukakan Surat Perwakilan Kuasa.
- 5.0. Dokumen sebutharga yang telah diisi dengan lengkapnya hendaklah dialamatkan kepada **Yang Dipertua, Majlis Daerah Kampar, Kompleks Pentadbiran Majlis Daerah Kampar, Jalan Iskandar, 31900 Kampar, Perak** dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Pejabat Majlis Daerah Kampar tidak lewat dari jam **12.00 tengahari** pada **25 Mac 2024 2023 (Isnin)**.
- 6.0. Majlis Daerah Kampar tidak terikat untuk menerima dokumen sebutharga yang terendah atau sebarang dokumen sebutharga. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen sebutharga yang tidak terdapat di dalam Peti Tawaran setelah Peti Tawaran dibuka.



(AHMAD SUQAIRY BIN ALIAS)

Yang Dipertua, 
Majlis Daerah Kampar,
Kampar, Perak.